

CNS3085

R GB 25-03 00198 BA527

aab

Mahathir - Vietnam

(EMBARGO: Untuk siaran selepas 10 malam ini, 25 Mac)

KESEMUA 10 NEGARA ASIA TENGGARA HARUS SELESAT MASALAH SECARA DAMAI

I

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kesemua 10 negara Asia Tenggara harus menyelesaikan masalah di antara mereka secara damai dan bekerjasama dalam semua bidang yang mempunyai kepentingan bersama.

"Kita harus mencapai impian sebuah rantau Asia Tenggara yang aman, stabil dan bersatu," katanya pada jamuan malam meraikan Setiausaha Agung Parti Komunis Vietnam Encik Do Muoi.

Encik Do Muoi tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi empat hari diiringi 33 anggota delegasi terdiri daripada ahli politik, ahli perniagaan dan wartawan.

Sambil menanggapi pendapatnya bahawa semua negara Asia Tenggara harus menganggotai Asean, Dr Mahathir berkata berdasarkan perubahan dan perkembangan di seluruh dunia kini, negara-negara serantau perlu mengekalkan persefahaman, mengukuhkan perasaan muhibah dan memupuk kerjasama erat.

"Kita harus mewujudkan keadaan yang akan membolehkan kita bergerak ke hadapan menangani pelbagai cabaran itu," kata Perdana Menteri.

Dengan memupuk persahabatan dan kejiwaan itu, ia boleh menyumbang ke arah satu rantau yang stabil, aman dan makmur, katanya. -- Lagi.

▼25/03/19-47MST

R GB 25-03 00157 BA529

aab

Mahathir - Vietnam 2 Kuala Lumpur (EMBARGO)

"Kita harus bercakap dengan satu suara mengenai isu-isu kepentingan bersama," katanya.

Dr Mahathir berkata kemasukan Vietnam dalam Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama dalam Asia Tenggara dan keputusan Asean untuk memberikan status pemerhati kepada Vietnam pada mesyuarat-mesyuarat peringkat menteri merupakan perkembangan penting dalam hubungan Vietnam dengan negara-negara lain di rantau ini.

"Ia menawarkan prospek terbaik bagi hubungan kerjasama jangka panjang antara Vietnam dan negara jiran di Asia Tenggara membawa kepada keanggotaan Vietnam sendiri dalam Asean," katanya.

Katanya, Malaysia mengikuti dengan penuh minat usaha Vietnam menggalakkan pembangunan ekonomi yang telah menunjukkan hasil yang merangsangkan.

Dalam hubungan ini, Malaysia menyambut baik keputusan Presiden Clinton menarik balik sekatan dagangan Amerika terhadap Vietnam bulan lepas.

Mengenai usaha menggalakkan hubungan dua hala dan kerjasama sejak beberapa tahun lepas, beliau berkata ia telah membawa banyak hasil yang positif yang boleh mereka banggakan. -- Lagi.

▼25/03/19-56MST

CNS3120

R GB 25-03 00130 BA532

aab

Mahathir - Vietnam 3 Kuala Lumpur (EMBARGO)

Dagangan dua hala mereka sebanyak RM235.4 juta pada 1991 meningkat kepada RM473 juta bagi tempoh Januari hingga September tahun lepas.

Pengikatan Peraturan Pembayaran Dua hala (BPA), yang telah menyumbang kepada peningkatan dagangan pula merupakan suatu mekanisme yang inovatif dan berdaya maju bagi penggalakan perdagangan antara dan di kalangan negara-negara membangun, katanya.

Beliau juga berkata bahawa sejak dua tahun lepas, syarikat-syarikat Malaysia telah melabur hampir AS\$426 juta di Vietnam dan sebuah konsortium Malaysia telah memulakan pembangunan di zon pemprosesan eksport di Danang dengan pelancaran rasminya tiga hari lepas.

Dr Mahathir berkata terdapat projek lain melibatkan syarikat Malaysia atau yang menarik minatnya dan beliau berharap kerajaan Vietnam memberikan mereka pertimbangan yang positif. -- Lagi.

♥25/03/20-16MST

CNS3144

R GB 25-03 00162 BA536

aab

Mahathir - Vietnam 4 Kuala Lumpur

Do Muoi dalam ucapan balasnya berkata Vietnam akan menyertai Asean pada masa yang sesuai kerana ia telahpun menjadi pemerhati dan menyertai Perjanjian Bali, serta sentiasa memberi keutamaan kepada kerjasama dengan negara-negara jiran dan serantau.

"Vietnam akan mengambil bahagian secara membina dalam Forum Keselamatan Serantau, menyokong dialog dan usaha bertujuan menggalakkan kerjasama, termasuk usaha Perdana Menteri mewujudkan Perundingan Ekonomi Asia Timur," katanya.

Beliau menegaskan bahawa Vietnam akan meneruskan dasar empat perkara terhadap negara-negara serantau yang dibuatnya pada Oktober tahun lepas bertujuan memberikan sumbangan aktif menjadikan Asia Tenggara sebuah zon yang aman, stabil dan membangun.

Dalam kaleidoskop dunia yang berubah ini, katanya, Asia Tenggara mempunyai kedudukan yang cerah. Katanya walaupun masih terdapat beberapa faktor yang memberikan ketidakstabilan, keamanan di kawasan ini secara umumnya stabil selepas hampir setengah abad menghadapi konfrantasi dan syak wasangka.

Negara-negara serantau telah berkongsi kepentingan mengusahakan kewananan, kestabilan dan kerjasama. -- Lagi.

♥25/03/21-22MST

CNS3154

R GB 25-03 00169 BA540

aab

Mahathir - Vietnam 5 Kuala Lumpur (EMBARGO)

Pemimpin Vietnam berkata dalam melaksanakan dasar luar yang terbuka, pelbagai hala dan berbilang hala, Vietnam telah berusaha mengukuhkan hubungannya dengan negara-negara jiran, memperluaskan hubungan dengan negara-negara Asia Tenggara dan rantau Asia Pasifik.

Vietnam juga telah mengekalkan kerjasama dengan negara-negara yang ia mempunyai hubungan tradisi, menggalakkan hubungan dengan negara-negara maju di Eropah dan Amerika Utara serta membuat kemajuan dalam hubungannya dengan negara-negara Asia Barat, Afrika dan Amerika Latin.

Mengenai hubungan dengan Malaysia, Do Muoi berkata kedua-dua negara berkongsi aspirasi bagi keamanan dan kerjasama serta berusaha ke arah pembangunan dan kemakmuran di samping keamanan dan kestabilan serantau.

"Inilah asas-asas yang kukuh bagi persahabatan kita dan kerjasama jangka panjang demi kepentingan, kemakmuran negara dan serta pembangunan di Asia Tenggara.

"Kami mengakui dengan rasa puas hati bahawa berdasarkan usaha kedua-dua pihak sejak beberapa tahun lepas, kita telah mengikat hubungan dua hala yang penuh dengan semangat persaudaraan dan perssahaman serta kepercayaan," katanya. -- lagi.

♥25/03/21-43MST

R GB 25-03 00222 BA542

aab

Mahathir - Vietnam 6 (Akhir) Kuala Lumpur (EMBARGO)

Do Muoi menyatakan keyakinannya bahawa arah aliran ini akan terus berkembang bagi faedah kedua-dua negara seperti yang telah terbukti pada masa lepas dengan pertukaran pendapat secara terbuka, persahabatan dan persefahaman, yang dinikmati Vietnam bersama Dr Mahathir dan pemimpin Malaysia yang lain.

Katanya Malaysia yang beberapa dekad lalu dikenali sebagai satu daripada negara pengeluar terbesar getah dan timah, kini menjadi negara maju dalam bidang industri dan sedang berusaha ke arah menjadi negara maju melalui Wawasan 2020.

Vietnam, katanya, amat tertarik bahawa pembangunan ekonomi di negara ini telah dikait rapat dengan penggalakan kebudayaan kebangsaan dalam suasana kehidupan yang harmoni di kalangan pelbagai kaum dalam sebuah masyarakat yang bersatu.

Pemimpin Vietnam itu berkata beliau yakin rakyat Malaysia yang rajin, dinamik dan kreatif di bawah kepimpinan Dr Mahathir yang berpandangan jauh, serta pemimpin Barisan Nasional yang lain akan membawa kemakmuran bagi negara ini dan memberikan sumbangan penting kepada kemakmuran serantau serta keseluruhan Asia dan dan Pasifik.

Do Muoi memberitahu Dr Mahathir bahawa selepas hampir setengah abad perjuangan mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan perpaduan, rakyat Vietnam kini berusaha sebaik mungkin untuk membina negara mereka dan berusaha menjadi "rakyat yang kaya, negara yang kukuh dan masyarakat yang sama taraf dan bertamadun." -- Bernama

KGO ZAB RON NMO.